

# Oakwood Hotel & Residence Kuala Lumpur buka September

NUR NAZLINA NADZARI | 10 Mei 2016 12:11 AM



Plenitude Bhd. melabur sebanyak RM50 juta untuk kerja-kerja mengubah suai dan menaik taraf Oakwood Hotel & Residence Kuala Lumpur.

KUALA LUMPUR 9 Mei – Plenitude Bhd. telah melabur sebanyak RM50 juta untuk kerja-kerja mengubah suai dan menaik taraf Oakwood Hotel & Residence Kuala Lumpur yang dijangka beroperasi September ini.

Pengerusi Lembaga Plenitude, Elsie Chua berkata, hotel yang merupakan jenama Oakwood pertama di Malaysia tersebut merangkumi 252 bilik dan disertakan dengan bilik studio serta suite satu dan dua bilik. Beliau berkata, pihaknya teruja untuk bekerjasama dengan Oakwood yang terbukti mempunyai kebolehan dalam menyediakan kediaman serba luas kepada pengembara dengan lokasi utama serta dilengkapi dengan prasarana moden.

“Kami memilih jenama Oakwood Residence kerana kebolehan mereka dalam melaksanakan janji untuk menyediakan kediaman anggun serta selesa dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan disokong oleh perkhidmatan peribadi yang memenuhi keperluan tetamu.

“Dengan, pembukaan hotel ini pada separuh kedua 2016, saya jangka segmen hotel akan menyumbang sebanyak 30 peratus kepada perolehan syarikat,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis menandatangani perjanjian bersama Oakwood Asia Pacific Ltd. bagi membuka hartanah jenama Oakwood pertama di negara iaitu Oakwood Hotel & Residence Kuala Lumpur.

Yang turut hadir, Pengarah Urusan Oakwood Asia Pacific, Dean Schreiber.

Menerusi perjanjian tersebut Oakwood akan bertindak sebagai badan pengurusan kepada hotel tersebut. Sementara itu, Schreiber berkata, pihaknya menjangka dapat mencapai 70 peratus tempahan penginapan bagi tempoh masa tiga tahun pertama selepas beroperasi.

Menurutnya, rantau ini mempunyai potensi yang baik dan Kuala Lumpur merupakan destinasi yang penting bagi syarikat kerana ia merupakan metropolis paling menarik di Asia Tenggara.

“Penawaran pangsapuri perkhidmatan adalah sesuatu yang istimewa kerana kami mempunyai produk untuk penginapan tempoh singkat dan tempoh panjang,” ujarnya. Tambahnya, Oakwood bercadang untuk membuka kira-kira sembilan lagi hotel baharu di seluruh dunia pada tahun ini.